



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 SEPTEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	RM19.5 JUTA DIPERUNTUKKAN INDUSTRI KELAPA, KOPI, ONLINE, SH ALLOCATION FOR COCONUT, COFFEE INDUSTRIES, NEWS, STARBIZ -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4.	88 BABI DIJANGKITI ASF DILUPUSKAN, NEGERI, SH -28 DUA LADANG DI KERIAN KENA JANGKITAN ASF, LOKAL, HM -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5. 6. 7.	RAMPAS DAGING KERBAU TANPA TULANG RM871K, LOKAL, HM -12 55 TAN DAGING KERBAU DARI INDIA DIRAMPAS, NEGERI, SH -23 55 TAN DAGING KERBAU IMPORT DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
8. 9. 10.	LANGKAWI KEHABISAN BEKALAN TELUR AYAM, NEGARA, KOSMO -16 REZEKI ORANG BUTA USAHA PROJEK CENDAWAN TIRAM, NASIONAL, BH -19 RAIH RM4,000 SEBULAN JUAL PRODUK BERASASKAN KELAPA, NEGARA, KOSMO - 18	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM19.5 JUTA DIPERUNTUKKAN INDUSTRI KELAPA, KOPI



BATU PAHAT - Peruntukan sebanyak RM19.5 juta telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi membangunkan industri kelapa dan kopi negara, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh. Jumlah itu masing-masing sebanyak RM15 juta bagi industri kelapa dan RM4.5 juta untuk tanaman kopi.

Menurutnya, ini turut merangkumi penyediaan infrastruktur dan fasiliti pengendali lepas tuai, pembekalan input pertanian, perolehan bahan, peralatan kawalan perosak serta pemindahan teknologi bagi dua tanaman tersebut. "Jumlah peruntukan itu agak besar bagi meningkatkan lagi hasil pengeluaran tanaman terutamanya untuk tujuan eksport," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kelapa dan Kopi 2022 di Pusat Pertanian Parit Botak di sini, pada Selasa.

Mengulas selanjutnya, Nik Muhammad Zawawi berkata, setakat 2020, penanaman kopi di negara ini melibatkan kawasan seluas 2,200 hektar yang mampu menghasilkan pengeluaran sehingga 4,241 tan setahun manakala kelapa di kawasan berkeluasan 84,942 hektar dengan pengeluaran sebanyak 536 juta biji. "Kebanyakan (jenis biji) kopi adalah Liberica serta Robusta dengan kawasan tanaman utama di Johor, Sabah serta Sarawak. "Bagi kelapa pula, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menumpukan empat varieti iaitu Hybrid Matag, Malayan Yellow Dwarf, Malayan Red Dwarf dan Kelapa Pandan. "Sehingga kini, sebanyak 65.4 peratus keluasan tanaman kelapa adalah di Semenanjung Malaysia dan 34.6 peratus lagi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Mengulas sambutan Hari Kelapa dan Kopi 2022, beliau berkata, sambutan secara bersama ini bertujuan menghargai dan meraikan semua pihak yang terlibat dalam industri di sepanjang rantaian seperti petani, pemproses, pengilang dan pengguna.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	STARBIZ	NEWS	5

Allocation for coconut, coffee industries

BATU PAHAT: An allocation of RM19.5mil has been approved under the 12th Malaysia Plan (RMK12) to develop the coconut and coffee industries in the country.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister II Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh said RM15mil is for the coconut industry and RM4.5mil for coffee plantations.

The allocation will cover the provision of infrastructure and facilities, agriculture materials, pest control equipment and technology transfer for the two crops.

"This is a big allocation for the two crops meant for export," *Bernama* reported.

Meanwhile, Nik Muhammad Zawawi said up to 2020, coffee plantations in the country covered 2,200 hectares and produced 4,241 tonnes of coffee a year, while coconut plantations covered 84,942ha, producing 536 million coconuts.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI	28

88 babi dijangkiti ASF dilupuskan

IPOH - Sebanyak 88 ekor babi yang dijangkiti demam babi Afrika atau *African swine fever* (ASF) di ladang ternakan komersial di Kerian telah dilupuskan pada Selasa.

Tindakan pelupusan itu dibuat mengikut piawaian pelupusan yang ketat dan terkawal sebagai satu tindakan memperketatkan biosekuriti ladang.

Exco Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria berkata, pelupusan itu bagaimanapun tidak menjejaskan kadar pengeluaran haiwan berkenaan.

"Tindakan pelupusan segera ke atas baki populasi babi di ladang dijangkiti ASF selesai pada hari ini (Selasa) merangkumi 88 ekor.

"Kadar pengeluaran tidak mengalami impak besar hasil proses pelupusan yang dijalankan," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Selasa.

Beliau berkata, wabak berkenaan adalah terkawal



RAZMAN

dan jangkitan disahkan hanya berlaku di daerah Kerian.

Katanya, orang ramai juga dinasihatkan tidak panik memandang penyakit ASF tidak berjangkit kepada manusia.

"Buat masa ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak telah melaksanakan beberapa tindakan berbentuk kawalan dan pencegahan rebakan penyakit ASF.

"Ini termasuklah tindakan sita ke atas ladang dijangkiti daripada sebarang pergerakan keluar masuk babi dan kenderaan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, JPV telah menseskan jangkitan ASF di dua ladang babi komersial di daerah Kerian, melalui ujian tindak balas rantaian polimer (PCR) yang dijalankan Institut Penyelidikan Veterinar di Ipoh pada Sabtu dan Ahad lepas.

Antara tindakan kawalan dibuat adalah memperketatkan syarat pindah babi dan produk babi dari Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	6

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) mengesahkan kejadian penyakit demam babi Afrika (ASF) di dua ladang komersial ternakan itu di daerah Kerian, Perak pada 17 dan 18 September lalu.

Kenyataan DVS memaklumkan perkara itu disahkan melalui ujian reaksi rantai polimerase oleh Institut Penyelidikan Veterinar dan tindakan kawalan serta pencegahan rebakan penyakit ASF dilaksanakan.

"Ladang dijangkiti disita dan ditahan daripada sebarang pergerakan keluar masuk babi dan kenderaan selain pemantauan (survelan), pemeriksaan klinikal dan persampelan di ladang babi komersial di kawasan terjangkit turut dilakukan.

"Bilik Gerakan di DVS Perak dan Pejabat Veterinar Daerah Kerian diaktifkan de-

Dua ladang di Kerian kena jangkitan ASF



SYARAT memindahkan babi dan produk babi dari Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia juga diperketatkan.

ngan pembabitan Pejabat Daerah Kerian. Syarat pindah babi dan produk babi dari Perak ke seluruh Semenanjung Malaysia diperketat," menurut kenyataan itu.

Katanya selain itu, tindakan pelupusan segera ke atas babi populasi ternakan tersebut di ladang terjangkit ASF dan daya jejak ke atas

kenderaan pengangkut babi terlibat dengan ladang dijangkiti dilaksanakan.

Menurut DVS, setakat ini wabak terkawal dan jangkitan hanya berlaku di Kerian namun orang ramai dinasihat tidak panik kerana penyakit ASF tidak zoonotik (tidak berjangkit pada manusia) dan semua pihak diminta buat laporan jika ada

kematian luar biasa serta tanda klinikal yang disyaki penyakit berjangkit pada ternakan terbabit di ladang komersial dan rumah sembelih.

"Penternak dinasihatkan k tidak menghantar babi ke rumah sembelih jika ada tanda klinikal disyaki penyakit di ladang. Kenderaan pengangkut babi mesti melalui proses disinfeksi secara menyeluruh sebelum dan selepas keluar dari kawasan rumah sembelih.

"Sila lapor segera kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan atau terus ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya menerusi talian

03-8870 2041," menurut kenyataan itu.

Kenyataan itu juga menyenyebut semua ladang babi komersial diminta memperkukuh amalan dan kemudahan biosekuriti di premis dengan memastikan pagar perimeter lengkap, tidak berkongsi kenderaan pengangkut babi dengan ladang lain, disinfeksi pakaian serta peralatan ladang dan disinfektan perlu bersesuaian mengikut sukatan pada label.

Penternak dan pekerja ladang dinasihati tidak melawat ladang lain manakala orang ramai dinasihat agar tidak membeli babi hidup terus dari ladang atau kenderaan pengangkut bagi mengurangkan risiko jangkitan ASF.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	HARIAN METRO	LOKAL	12

Rampas daging kerbau tanpa tulang RM871k

Kuantan: Sebanyak 55 tan daging kerbau tanpa tulang dari India bernilai RM871,000 dirampas di Pelabuhan Kuantan di sini, semalam.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) pada kenyataan memaklumkan, rampasan dibuat hasil pemeriksaan rutin dijalankan pihaknya.

Katanya, pemeriksaan mendapati daging kerbau tanpa tulang yang dibawa masuk oleh syarikat tempatan itu mempunyai maklumat yang mengelirukan dalam pengimportan bahan dagangan.

“Taktik digunakan ialah

dengan mengisytiharkan maklumat permit yang tidak sama dengan sijil halal dan sijil kesihatan veterinar.

“Berikutan itu, barang dagangan terbabit ditahan untuk tindakan lanjut. Kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana memberikan maklumat yang mengelirukan dalam pengimportan di bawah akta ini.

“Sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM50,000 atau dipenjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	SINAR HARIAN	NEGERI	23

55 tan daging kerbau dari India dirampas

Rampasan bernilai RM871,000 itu dibuat di Pelabuhan Kuantan

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Sebanyak 55 tan daging kerbau tanpa tulang sejuk beku dari India telah dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pahang di Pelabuhan Kuantan di sini pada pagi Selasa.

Maqis dalam satu kenyataan menyatakan, rampasan itu dibuat hasil pemeriksaan rutin dilakukan pegawai penguat kuasa Maqis yang mendapati sebuah syarikat tempatan yang membawa masuk

bekalan terbabit mempunyai maklumat mengelirukan dalam pengimportan bahan dagangan.

Menurutnya, modus operandi digunakan syarikat berkenaan adalah dengan mengisytiharkan maklumat permit yang tidak sama dengan sijil halal dan sijil kesihatan veterinar.

"Susulan itu, barang dagangan yang dianggarkan bernilai RM871,000 telah dirampas untuk tindakan lanjut.

"Kes disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberikan maklumat yang mengelirukan dalam pengimportan di bawah akta ini.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali," menurut



Sebanyak 55 tan daging kerbau tanpa tulang sejuk beku dari India telah dirampas Maqis di Pelabuhan Kuantan pada pagi Selasa.

kenyataan tersebut.

Dalam pada itu, Maqis akan terus memperketatkan kawalan sempadan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara.

Tegasnya, ini bagi memastikan keluaran pertanian mematuhi syarat serta peraturan ditetapkan oleh kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	KOSMO	NEGARA	16



DAGING kerbau tanpa tulang yang dirampas di Pelabuhan Kuantan kelmarin.

55 tan daging kerbau import dirampas

KUANTAN – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 55 tan daging kerbau tanpa tulang sejuk beku dari India yang dibawa masuk ke negeri ini di Pelabuhan Kuantan di sini kelmarin.

Menurut kenyataan Maqis, daging dianggarkan bernilai RM871,000 itu dirampas kerana mempunyai maklumat yang mengelirukan dalam pengimportan bahan dagangan.

"Modus operandi yang dilaku-

kan adalah dengan mengisytiharkan maklumat permit yang tidak sama dengan siji halal dan siji kesihatan veterinar.

"Barang dagangan tersebut ditahan untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana memberikan maklumat yang mengelirukan dalam pengimportan di bawah

Akta ini.

Katanya, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM 50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Maqis akan terus memperketatkan kawalan sempadan dan tiada kompromi ke atas biosekuriti barangan yang dibawa masuk dari luar negara bagi memastikan keluaran pertanian mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	KOSMO	NEGARA	16



RAK kosong di kawasan jualan telur di sebuah pasar raya di Padang Matsirat, Langkawi semalam.

Peniaga terpaksa catu jualan kepada pelanggan

Langkawi kehabisan bekalan telur ayam

Oleh NUR AMALINA AZMAN

LANGKAWI - Kekurangan bekalan telur ayam di pulau perangan ini memaksa segelintir peniaga menghadkan pembelian telur kepada pelanggan mereka.

Tinjauan di beberapa premis di Padang Matsirat di sini mendapati, kebanyakan kedai sudah kehabisan stok telur.

Ada juga papan tanda yang menghadkan pembelian telur kepada pelanggan diletakkan di rak telur yang sudah kosong.

Seorang juruwang di sebuah pasar raya di Padang Matsirat, Farhana, 24, berkata, bekalan telur yang dihantar pada setiap Rabu dan Ahad berkurangan se-

jak minggu lalu.

"Baru-baru ini pembekal memberikan kami 80 papan telur sahaja kali ini berbanding lebih 200 papan sebelum ini.

"Saya tidak pasti sebab apa sebelum ini, tetapi jumlahnya sebelum ini mencukupi bagi memenuhi permintaan pelanggan," katanya di sini semalam.

Seorang pengguna, Hafzah Abdullah, 32, berkata, ada kedai yang hanya menjual telur kepada golongan tertentu sahaja.

"Semasa bertanya mengenai bekalan telur, pekadai memberitahu, disebabkan saya orang bujang, dia akan membenarkan saya membeli lima biji telur sebelum mengambilnya di bawah meja juruwang.

"Saya berasa pelik kenapa perlu dihadkan sehingga begitu sekali sedangkan pelanggan membayar harga telur dan bukannya mencuri," katanya.

Sementara itu, peniaga kedai makan, Mohd. Hannan Hanif Abdul Halim, 33, memberitahu, peniaga kecil sepertinya telah diberikan had pembelian telur sejak awal krisis bekalan telur ini berlaku.

"Biasanya kami diberikan had antara dua hingga tiga papan seorang untuk sehari.

"Bagi saya sekurang-kurangnya perlukan sepapan telur sehari dan perlu membeli telur setiap hari kerana had yang diletakkan oleh penjual telur itu sangat sikit," ujarnya.

TARIKH	BEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Rezeki orang buta usaha projek cendawan tiram

Program anjuran UMT babitkan tiga komuniti orang cacat penglihatan

Oleh **Alumad Rabiul Zulkifli**
bhnews@bh.com.my

Kuala Nerus: Seramai 20 orang cacat penglihatan mengusahakan projek tanaman cendawan tiram kelabu, hasil bimbingan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Program pemindahan ilmu yang dijalankan UMT bersama Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu itu bermula sejak Ogos lalu.

Ketua Program, Dr Wan Zali-

ha Wan Sembok, berkata RM8,000 diperuntukkan di bawah dana 'Knowledge and Technology Assimilation Grant Scheme' universiti berkenaan.

Katanya, bantuan dana itu disalurkan Pusat Pemindahan Ilmu dan Jaringan Industri, bagi menjayakan program berkenaan yang membabitkan tiga komuniti, iaitu Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu, Asrama Anak Yatim Terengganu dan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tunggal.

"Sebanyak 300 bongkah cendawan separa matang diserahkan kepada 20 peserta dari Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu untuk dijaga. Sehingga 17 September lalu, sebanyak 15 kilogram cendawan tiram kelabu dituai hasil penajaan rapi peserta cacat penglihatan itu.

"Cendawan tiram itu ditanam secara fertigasi menggunakan bongkah cendawan terpakai sebagai media tanaman. Bongkah cendawan juga dijadikan pembaik tanah seperti arang," katanya.

Teknik fertigasi

Tambahnya, melalui program pemindahan ilmu itu juga, peserta diajar teknik penanaman secara fertigasi bagi tanaman lain.

"Sebanyak 84 polibeg dengan empat jenis sayur-sayuran berdaun seperti 'pak choy' dan 'cai xin Hong Kong' ditanam dan bakal menikmati hasilnya pada akhir Oktober ini.

"Kami yakin dengan komitmen dan minat yang ditunjukkan peserta, ia akan menghasilkan kejayaan, sekali gus membuktikan kekurangan tidak menjadi penghalang untuk mereka berjaya dalam bidang



Peserta dari Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu menunjukkan cendawan tiram kelabu yang diusahakan menerusi program pemindahan ilmu hasil bimbingan UMT. (Foto ihsan UMT)

pertanian," katanya.

Pengerusi Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu, Asmadi Wahab, berkata cendawan tiram kelabu mempunyai permintaan tinggi dan keupayaan hasil yang boleh diperoleh dalam masa singkat serta memberi pulangan lumayan.

"Antara kesan positif program itu ialah beberapa peserta mula

mengambil inisiatif sendiri memulakan penanaman cendawan tiram kelabu di rumah, malah menjual hasilnya secara kecil-kecilan.

"Program itu berjaya memberi kesedaran kepada ahli Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Malaysia Terengganu untuk turut sama bergiat dalam bidang pertanian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/9/2022	KOSMO	NEGARA	18



SALIAH bersama anaknya Nurul Najlha Zahril menunjukkan produk makanan berasaskan kelapa iaitu Sagun Kelapa dan Kuih Bangkit yang diusahakan keluarganya di Batu Pahat.

Raih RM4,000 sebulan jual produk berasaskan kelapa

BATU PAHAT – Inisiatif sebuah keluarga di Senggarang yang menjadikan bahan berasaskan kelapa sebagai produk perusahaan membuah hasil apabila mereka berjaya menjana pendapatan hampir RM4,000 sebulan.

Saliah Buang, 54, berkata, perniagaan yang sudah diusahakan bersama suami dan tiga orang anaknya sejak 18 tahun lalu itu bermula secara sedikit demi sedikit menggunakan buah kelapa yang ditanam di belakang rumahnya.

Katanya, ekoran permintaan yang semakin meningkat

terutama sekali pada musim perayaan, mereka terpaksa mendapatkan bekalan kelapa tambahan daripada Jabatan Pertanian di Batu Pahat.

“Mungkin ramai yang tidak tahu makanan ringan berasaskan kelapa seperti sagun dan kuih bangkit mempunyai ramai penggemar khususnya golongan orang-orang lama.

“Oleh sebab itulah, perusahaannya yang kami usahakan ini mampu bertahan sehingga sekarang malah ada ketikanya permintaan melebihi kemampuan untuk menyiapkannya,” katanya.